

18/05/1998

Asnita bukti komitmen wanita pulih ekonomi

TANGAN yang menghayun buaian itu boleh menggoncang dunia. Demikian peribahasa yang menunjukkan bahawa wanita tidak boleh dianggap lemah. Mereka mempunyai fungsi penting dan boleh melakukan sesuatu yang membanggakan jika ada kemahuan.

Begitulah halnya dengan keadaan sekarang pada saat negara menghadapi kemelut ekonomi yang mencabar, wanita juga boleh berfungsi untuk bersama-sama memulihkannya.

Mereka tidak hanya menjadi pemerhati sebaliknya seiring dengan pemimpin kita untuk mengatasi kegawatan sekarang.

Menyedari hakikat ini serta keupayaan wanita dalam memberikan sumber kewangan kepada negara, Amanah Saham Wanita (Asnita) dilancarkan. Sehingga kini orang masih memperkatakan mengenai Asnita.

Saham amanah itu khusus untuk wanita dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lalu. Sambutan orang ramai terhadap skim itu jelas ditunjukkan dengan terjualnya dua juta unit saham bernilai RM1 juta pada hari pertama penjualannya.

Apa yang menarik semua kaum menunjukkan minat terhadap saham amanah itu. Secara tidak langsung wanita pelbagai kaum menyahut seruan kerajaan tanpa berbelah bagi untuk bersama meningkatkan tabungan di samping membantu mempertingkatkan kedudukan ekonomi negara.

Nilai 50 sen untuk setiap unit Asnita bagi tempoh tawaran yang terhad mendorong orang ramai menyertai saham amanah itu dengan harganya yang rendah dan mereka yakin mengenai kenaikan harga unit berkenaan apabila memasuki pasaran terbuka selepas tempoh tawaran nanti.

Saham amanah yang diuruskan oleh Hijrah Unit Trust Management Bhd mendapat sambutan menggalakkan bukan saja kerana tawaran harga pembukaan yang rendah, malah ia juga menyediakan kemudahan tambahan seperti khairat kematian dan skim takaful kepada pelaburnya. Kemudahan mengurus niaga di lebih 464 cawangan Bank Simpanan Nasional juga memikat orang ramai menyertainya.

Langkah memperkenalkan Asnita memang tepat pada masanya. Meskipun, kita sedia maklum dengan saham amanah sedia ada di negara ini seperti Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020) dan saham amanah lain, Asnita memberi ruang baru kepada wanita khususnya mempelbagaikan simpanan.

Mereka kini lebih bertanggungjawab dalam membantu memulihkan ekonomi negara kerana Asnita dibentuk khas untuk mereka.

Menerusi Asnita, golongan wanita boleh bertindak lebih bijak dengan menukarkan bentuk pelaburan daripada emas kepada bentuk tunai.

Jika seorang wanita di Malaysia mempunyai barang kemas bernilai RM1,500 dan ia digunakan untuk melabur dalam Asnita sudah tentu sumbangan itu dapat membantu pembangunan ekonomi negara di samping pelabur juga mendapat pulangan.

Menurut Dr Mahathir ketika melancarkan Asnita, biarpun RM1 yang dilaburkan ia dapat menyumbang kepada tabungan negara dan pengekaln kebebasan kita daripada penjajahan.

"Ini adalah penjajahan ekonomi yang boleh berkembang kepada penjajahan politik dan akhirnya boleh menghapuskan kebebasan kita sama sekali," katanya.

Menurut beliau, dengan adanya tabung seperti Asnita dan tabung lain dapatlah kita menggunakan tenaga dan kekayaan kita untuk membeli saham

yang kini jatuh harganya.

Katanya, sekarang kita hendak menambah balik modal dan ia mesti datang daripada kita sendiri. Kita boleh meminjam dari negara dan bank asing tetapi ia berisiko.

"Kalau berhutang, kita akan menderita. Lebih baik kita gunakan apa yang ada untuk melabur dan memulihkan ekonomi negara sendiri," katanya.

Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri wajar diberi perhatian oleh wanita khususnya kerana kita yakin wanita berkemampuan dan mereka mempunyai fungsi yang bukan kecil dalam usaha membangunkan ekonomi negara.

Bersamalah kita buktikan bahawa Wanita Boleh!

(END)